



TERMENUNG...Iba saya merenung nasib di hadapan rumahnya yang ranap.

Bantuan tak kunjung tiba

Wanita berjalan 2 kilometer demi sebungkus mi segera

Gempa Di Padang



PADANG: Seorang wanita terpaksa berjalan kaki sejauh dua kilometer semata-mata untuk mendapatkan sebungkus mi segera bagi mengalas perut demi meneruskan kelangsungan hidup diri dan anak-anaknya.

Iba Lubis, 41, yang kehilangan tempat tinggal terpaksa mendaki bukit dan denai hutan untuk sampai di pusat bantuan di perkampungan Parit Molintang di sini bagi mendapat agihan makanan hasil sumbangan penduduk kampung.

Dia yang uzur dan kerap terbatuk mendakwa apa yang dilakukan itu semata-mata untuk memastikan dua anak kecilnya, Sandi Dart, 11, dan Ani Dart, 12, tidak kebuluran.

"Rumah kami runtuh sama sekali dan semua bekalan makanan dalam rumah termasuk beras tidak boleh digunakan akibat dibasahi hujan lebat sejurus kejadian gempa bumi Rabu minggu lalu.

"Paling menyedihkan apabila bantuan yang diharapkan langsung tidak menjelma tiba walaupun selepas enam hari tragedi berlaku," kata ibu tunggal berkenaan.

Dia yang berulang kali menutup mulutnya akibat ter-

batu mendakwa hampir mati kelaparan dan terpaksa minum air tadahan hujan untuk mengisi perut.

Menurutnya, gempa bumi menjelang waktu Maghrib itu menyebabkan rumahnya bergoncang kuat sebelum sujud menyembah bumi beberapa minit kemudian.

"Walaupun terselamat, saya bersama dua anak hanya tinggal sehelai sepinggang. Hidup yang sebelum ini memang miskin kini menjadi bertambah daif.

"Selepas tidak larat menjamah ubi kayu dan pucuk paku, saya akhirnya mengambil keputusan berjalan kaki ke posko (pusat bantuan) di kampung berhampiran berbekalkan plastik kosong," katanya.

Menurutnya, dia berjalan kaki hampir dua jam untuk sampai ke pusat bantuan yang didirikan orang kampung berkenaan, namun bekalan makanan dan pakaian yang diharapkan daripada pihak pemerintah sehingga kini belum kunjung tiba.

"Mereka yang juga miskin seperti saya hanya mampu memberikan sebungkus mi segera selain secupak beras sebagai bekalan untuk dibawa pulang.

"Bekalan makanan ini memang tidak mencukupi, namun saya tiada pilihan selain memasukkannya ke dalam plastik hitam ini," katanya sambil menunjukkan karung berkenaan dengan wajah lesu.

Iba berkata, dua hari lalu seorang hamba Allah tidak dikenali muncul di hadapan rumahnya dengan menaiki motosikal sebelum menghulurkan sebiji kobis dan sawi layu kepadanya.

"Saya tidak pasti bila penderitaan ini akan berakhir. Apa yang saya harapkan, pihak berwajib akan segera memberi bantuan," katanya berlinangan air mata sebaik watawan menghulurkan wang derma kepadanya.

Wartawan Harian Metro yang meninjau beberapa daerah pedalaman Pariaman antaranya Ulakan Tapiakis, Perkampungan Pilajaya Lubuk Pandan dan Tandikek mendapati kebanyakan mangsa belum menerima bekalan makanan mencukupi, air bersih selain khemah sementara untuk berlindung.

Walaupun lori bantuan silih berganti menuju ke kawasan pedalaman, namun rata-rata mangsa yang ditemui melahirkan rasa aneh berikutan bekalan bantuan yang ditunggu hilang entah ke mana.

Hujan lebat sejak dua hari lalu turut memburukkan keadaan apabila mangsa terpaksa berteduh dalam runtuhnya rumah selain membina khemah menggunakan guni atau plastik.

Lebih menyedihkan apabila kebanyakan mangsa seolah-olah mati akal dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan bagi meneruskan hidup dalam keadaan darurat.